

19/10/1998

TWG mampu tingkat kerjasama industri pelancongan

Wan Jailani Razak

APA perlu dilakukan negara anggota Kerjasama Asia Pasifik (Apec) untuk menjana pertumbuhan industri pelancongan bagi meringankan kegawatan ekonomi yang dihadapi di rantau ini? Persoalan utama ini cuba diselesaikan negara anggota terbabit dalam mesyuarat ke-13 Kumpulan Kerja Pelancongan (TWG) bagi Apec di Langkawi, baru-baru ini.

Ketika krisis kewangan sekarang, industri pelancongan di kebanyakan negara anggota Apec terjejas teruk. Malaysia tidak terkecuali daripada mengalami nasib yang sama apabila jumlah pelancong ke negara ini terus merosot.

Mengikut perangkaan terbaru, daripada 7.1 juta pelancong pada 1996, ia merosot kepada 6.2 juta tahun lalu manakala jumlah perolehan turut dilaporkan menurun daripada RM11.2 bilion kepada RM10.5 bilion.

Malaysia, sehubungan itu mahukan kerjasama semua negara anggota supaya sama-sama mencari noktah untuk mengatasi masalah yang dihadapi industri pelancongan ini termasuk mengkaji semula semua program TWG Apec bagi memastikan pertumbuhan mapan industri itu.

Ini kerana industri pelancongan adalah satu sektor yang tidak dapat dinafikan kepentingannya bagi memastikan pembangunan ekonomi negara anggota Apec terus berkembang, khususnya bagi negara membangun.

Negara ini berpendapat adalah lebih penting untuk negara Apec memainkan fungsi yang lebih besar dan aktif menerusi kerjasama negara anggota bagi meringankan kegawatan ekonomi dengan memperkasa pertumbuhan pelancongan di negara yang terjejas.

Kawalan modal oleh negara mungkin akan menyusahkan pelancong pada peringkat awal tetapi diharapkan ia akhirnya melancarkan promosi bagi pasaran sedia.

Jaminan Perdana Menteri untuk menambah peruntukan RM11 juta bagi kegiatan promosi pelancongan tahun ini menunjukkan kerajaan serius dalam hal ini. Pada 1988, peruntukan bagi kegiatan pelancongan ialah RM46.4 juta, RM33.8 juta (1989) dan RM28.3 juta (1990).

Menyokong saranan Dr Mahathir, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata bagi Malaysia, industri pelancongan mendapat perhatian utama kerajaan yang menggalakkan dan membantu pembangunan industri itu.

Bercakap ketika merasmikan mesyuarat TWG yang dihadiri kira-kira 60 pegawai pelancongan dari negara anggota Apec, termasuk Australia, Indonesia dan Singapura, beliau berkata kerajaan dan sektor swasta saling bekerjasama dalam membangunkan industri itu dan akan terus berbuat demikian pada masa akan datang.

Justeru, Malaysia secara keseluruhannya telah menukar penekanannya kepada memasarkan daripada menjual Malaysia, menjalankan kempen berdasarkan satu produk yang spesifik dan menggunakan strategi baru bagi rekreasi antarabangsa.

Apa yang pasti, TWG perlu mengenal pasti kelemahan yang ada dan mencari jalan untuk mengatasinya selain meningkatkan program kerjasama di kalangan negara anggota.

TWG adalah kumpulan kerja yang penting dalam Apec dan ia perlu menjalankan program kerjasama untuk jangka panjang dalam hal berkaitan telekomunikasi, pengangkutan, kemudahan penumpang dan perkhidmatan berasaskan penerangan.

Sektor pelancongan, sebagai satu industri terbesar dunia, menyumbang

10.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia dan menyediakan 10.7 peratus daripada pekerjaan di dunia.

"Kita perlukan sokongan untuk memulihkan industri pelancongan dan kita perlu wang untuk promosi kerana ia harus dilakukan sepanjang masa terutama pada masa sukar," kata Sabbaruddin.

Bagaimanapun, negara anggota Apec boleh menarik sedikit nafas lega berikutan ramalan positif seorang penasihat dasar Majlis Pelancongan dan Pengembara Sedunia (WTTC) sebagai amat penting untuk dimaklumkan kepada ahli mesyuarat, khususnya ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi dan laporan negatif media asing.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Arshad Hashim, berkata penjelasan itu dijangka lebih berkesan dengan kehadiran kira-kira 10,000 pelancong yang berkaitan persidangan itu.

Sebagai agensi promosi pelancongan negara, kita seharusnya yakin dengan kesungguhan LPPM untuk mengadakan pelbagai promosi sempena persidangan itu untuk memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini. Langkah pemulihan ekonomi yang dilakukan kerajaan Malaysia mula memberi kesan positif dan serentak itu, industri pelancongan pasti pulih sedikit masa lagi.

(END)